

JAMINAN TERHAD PADA ALATAN ATILZE

20191001

Jaminan Terhadap pada Alatan Atilze ("**Jaminan Terhadap**") diperbadankan dan merupakan sebahagian daripada Terma dan Syarat Am Atilze Telematics.

Yang berikut akan terpakai kepada Pelanggan yang membeli Alatan Atilze dan tidak akan terpakai kepada Pelanggan yang menyewa Produk Atilze.

1. Alatan Pihak Ketiga

1.1 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Atilze bergantung kepada pengilang pihak ketiga untuk membekalkan Alatan kepada Pelanggan. Sebarang jaminan yang diberikan adalah terhadap kepada apa yang ditawarkan oleh pengilang asal Alatan. Sekiranya berlaku apa-apa ketidakselarasan di antara terma dan syarat Jaminan Terhadap ini dengan terma dan syarat jaminan yang dibekalkan oleh pengeluar asal, terma dan syarat jaminan yang disediakan oleh pengeluar asal akan diguna pakai setakat ketidakselarasan tersebut.

2. Tempoh Jaminan

2.1 Apabila Pelanggan membeli alatan daripada Atilze, Atilze akan menyediakan jaminan tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pembelian ("**Tempoh Jaminan**").

3. Pemakaian Jaminan

3.1 Atilze memberi jaminan untuk Alatan terhadap kegagalan kritikal disebabkan daripada kecacatan dalam pembuatan atau bahan, semasa penggunaan biasa. Atilze tidak menjamin bahawa Alatan tersebut adalah bebas daripada kesilapan operasi, atau semua kekurangan, kesilapan, kecacatan, atau ketidakpatuhan akan diperbetulkan.

4. Pengecualian Jaminan Terhadap

4.1 Jaminan ini adalah tertakluk kepada pengecualian yang berikut: -

(a) bateri;

(b) kegagalan atau kerosakan yang disebabkan oleh penyalahgunaan, kemalangan, pengubahsuaian, persekitaran fizikal atau operasi yang tidak sesuai, pendadakan kuasa, dan/atau penyelenggaraan yang tidak betul oleh Pelanggan;

(c) kerosakan yang timbul daripada penggunaan alatan atau peranti yang tidak dibekalkan oleh Atilze atau bagi pihak Atilze untuk digunakan bersama Alatan;

- (d) kerosakan kosmetik yang tidak menjejaskan fungsi Alatan;
- (e) sebarang kehilangan atau kerosakan kepada, program, data, atau media penyimpanan;
- (f) sebarang perkhidmatan pihak ketiga yang di luar kawalan kami;
- (g) tindakan Tuhan, banjir, kebakaran, ribut kencang, lubang benam, tanah runtuh, gempa bumi, cuaca buruk, wabak dan tsunami;
- (h) kerosakan yang disebabkan oleh peristiwa di luar kawalan kami; dan/atau
- (i) Alatan hilang atau dicuri.

5. Sokongan Jaminan dalam Tempoh Jaminan

5.1 Sekiranya Alatan didapati telah rosak dalam Tempoh Jaminan, remedi tunggal dan eksklusif Pelanggan dan liability keseluruhan kami di bawah Jaminan ini akan, pada pilihan kami: -

- (a) membaiki Alatan melalui sokongan jauh, seperti, tetapi tidak terhad kepada, telefon dan/atau sokongan e-mel;
- (b) selepas Alatan telah dikembalikan, tambang dan insuran prabayar: -
 - (i) membaiki Alatan;
 - (ii) menggantikan mana-mana Alatan yang rosak atau bahagian-bahagian Alatan yang diliputi oleh Jaminan dengan Alatan yang sama, atau produk yang sama, bersesuaian dan mempunyai fungsi yang setaraf; atau
 - (iii) jika Atilze tidak dapat melakukan mana-mana perkara di atas, Atilze akan membayar balik jumlah yang dibayar untuk Alatan, kurang peruntukan yang munasabah untuk kegunaan Alatan. Jumlah wang tersebut akan ditentukan oleh Atilze dan keputusan kami adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

Apa-apa penggantian Alatan tidak akan membaharui Tempoh Jaminan dan Alatan yang dikembalikan adalah kepunyaan Atilze.

6. Penafian dan Pengecualian

6.1 ALATAN ADALAH DISEDIAKAN KEPADA PELANGGAN DIASAKAN SECARA 'SEBAGAIMANA ADANYA' ('AS IS'), DENGAN SEMUA KEKURANGAN. ATILZE TIDAK MEMBUAT SEBARANG REPRESENTASI ATAU JAMINAN KE ATAS APA-APA JENIS, SAMA ADA SECARA LISAN ATAU BERTULIS, SAMA ADA NYATA ATAU TERSIRAT, ATAU DARIPADA SEGI UNDANG-UNDANG, ADAT,

BERURUSAN, PERDAGANGAN, BERKENAAN DENGAN ALATAN. ATILZE MENAFIKAN APA-APA DAN SEMUA JAMINAN TERSIRAT PADA TERMA HAK MILIK, PERDAGANGAN, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU DAN KETIDAKADAAN PELANGGARAN. TIDAK ADA JAMINAN UNTUK KEMAHIRAN PEKERJA, KESERERASIAN KEPADA TELEVISION, PERISIAN ATAU KETIDAKADAAN KECUAIAN. ATILZE TIDAK BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SEBARANG KEHILANGAN DATA, KETIDAKUPAYAAN UNTUK MENGAKSES APA-APA PLATFORMS ATAU PROGRAM, ATAU SEKIRANYA PERUBAHAN TEKNOLOGI, OPERASI ATAU ALATAN MEMERLUKAN PENGUBAHSUAIAN ATAU PINDAAN, TIDAK DIGUNAKAN KERANA KEUSANGAN, ATAU MENJEJASKAN PRETASINYA. ATILZE MENGEQUALIKAN LIABILITI DI BAWAH SEKSYEN INI.

- 6.2 ATILZE TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PELANGGAN ATAS KEHILANGAN KONTRAK, HASIL, NAMA BAIK ATAU WANG SIMPANAN DIJANGKA ATAU KEUNTUNGAN, PEMBAZIRAN PERBELANJAAN, ATAU SEBARANG GANTI RUGI YANG DIAKIBATNYA TIDAK LANGSUNG, SAMPINGAN, KHAS, GANTI RUGI PUNITIF ATAU KERUGIAN TELADAN DAN/ATAU SEBARANG KEROSAKAN YANG DIALAMI, DIKENAKAN DAN/ATAU DITANGGUNG OLEH PELANGGAN YANG TIMBUL DARIPADA ATAU DISEBABKAN OLEH PENGGUNAAN ALATAN ATAU KEGAGALAN UNTUK MENGGUNAKAN ALATAN ATAU PELANGGARAN JAMINAN INI (MESKIPUN KERUGIAN TERSEBUT TIMBUL SECARA LANGSUNG, SECARA LAZIMNYA, ATAU DARIPADA SEBARANG PELANGGARAN, TINDAKAN ATAU KETIDAKGIATAN), SAMA ADA LIABILITI SEDEMIKIAN DITEGASKAN BERDASARKAN KONTRAK, TORT (TERMASUK KECUAIAN ATAU LIABILITI KETAT) ATAU SEBALIKNYA, WALAUPUN TELAH DINASIHATKAN BERKENAAN DENGAN KEMUNGKINAN GANTI RUGI TERSEBUT.
- 6.3 LIABILITI MAKSIMUM ATILZE DI BAWAH JAMINAN INI TIDAK AKAN MELEBIHI HARGA YANG DIBAYAR UNTUK ALATAN.

7. Bahasa Pentadbiran

- 7.1 Jaminan Terhad ini merupakan satu penterjemahan versi Bahasa Inggeris dan sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

[baki halaman ini dengan sengaja dibiarkan kosong]